



SUKARELAWAN yang terdiri daripada pelajar dan pegawai UPM, Serdang, Selangor bergambar selepas menyiapkan sabun untuk edaran Putra Bakti.

# Pendekatan *fun* dalam mendidik kebersihan

**P**ENDIDIKAN berkenaan penjagaan kebersihan diri kepada golongan yang kurang berkemampuan dan juga golongan yang sukar mendapat akses kebersihan adalah amat penting bagi memastikan kelompok tersebut juga terpelihara daripada penyakit-penyakit yang merebak akibat permukaan yang kotor.

Selepas pandemik Covid-19, kesedaran berkenaan kaedah mencuci tangan yang betul semakin dipergiat oleh pelbagai pihak bagi memastikan diri dan juga persekitaran sentiasa bebas kuman.

Sebagai usaha kebajikan selain menggalakkan kanak-kanak agar lebih tertarik untuk membasuh tangan dengan betul, sebuah badan tanggungjawab sosial korporat (CSR) di bawah Universiti Putra Malaysia (UPM) iaitu Putra Bakti di Serdang, Selangor mengambil inisiatif mengelola projek Putra Bakti Hope Soap untuk diedarkan kepada golongan kurang bernasib baik terutama kalangan kanak-kanak.



Oleh  
**ZURAINI MOHD. KHALID**

Ketua Projek Putra Bakti Hope Soap, Musliyana Mansor, 47, berkata, projek tersebut adalah melibatkan penghasilan sabun yang di dalamnya diisi dengan mainan sebagai menarik minat mencuci tangan dalam kalangan kanak-kanak.

"Idea asal projek ini sebenarnya telah dimulakan di Afrika Selatan lebih 10 tahun lalu yang mana ketika itu terdapat sebuah pertubuhan kebajikan yang menghasilkan sabun berisi permainan comel yang diedarkan kepada golongan sasar.

"Ia adalah untuk menarik minat mereka mencuci tangan dengan cara yang lebih menyeronokkan memandangkan mainan itu nanti akan menjadi ganjaran buat mereka setelah menggunakannya," katanya kepada Panorama.

Musliyana yang juga bertugas sebagai Pegawai Sains di Institut Biosains UPM menambah, UPM bagaimanapun hanya memulakan projek itu pada 2022, selepas pandemik Covid-19 dan tahun ini bakal menjadi tahun ketiga



KERETA mainan turut dimasukkan ke dalam sabun yang dihasilkan.

pelaksanaannya.

Putra Bakti menyasarkan untuk menghasilkan antara 400 hingga 500 buku sabun pelbagai warna dan bentuk untuk diedarkan kepada sekurang-kurangnya 10 buah organisasi bagi projek sabun mereka.

"Putra Bakti menjadi pembekal kepada mana-mana organisasi di bawah UPM yang mahu membuat edaran sabun kepada golongan yang memerlukan.

"Antara projek terdahulu termasuk edaran 30 buku sabun kepada

golongan anak yatim dan asnaf di Rumah Bakti Nur Ain Bandar Baru Bangi, Selangor dan juga edaran 50 buku sabun kepada pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Nilai Impian, Negeri Sembilan," kongsi.

Ujar Musliyana, sabun yang diedarkan adalah kategori sabun asas yang menggunakan tiga bahan sahaja iaitu asas sabun (soap base) berasaskan tumbuh-tumbuhan, pewarna dan juga pewangi.

Sabun itu pula dihasilkan dengan menggunakan teknik cair dan tuang iaitu campuran asas sabun akan dicairkan sebelum dituang ke dalam acuan pelbagai bentuk.



**MUSLIYANA**

## EKSTRA FAKTA MENARIK TENTANG SABUN

- Perkataan soap diambil daripada perkataan Latin iaitu *sapo*
- Proses pembuatan sabun terbahagi kepada tiga iaitu pemanasan, proses pembekuan dan juga proses melelehkan cairan sabun untuk dimasukkan ke dalam bekas pelbagai bentuk
- Pada tahun 2008, Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu menetapkan bahawa 15 Oktober diiktiraf sebagai Hari Mencuci Tangan Sedunia.
- Semasa kurun ke-17, raja Perancis ketika itu iaitu King Louis XIV pernah menjatuhkan hukuman mati ke atas tiga orang pembuat sabun kerana sabun yang digunakan menyebabkan kulitnya mengelupas
- Buih yang terhasil daripada sabun berasal daripada bahan kimia yang dipanggil sulfat



PROSES membuat sabun melibatkan beberapa peringkat.

"Kaedah pembuatan sabun-sabun ini biasanya mengambil masa selama dua hari iaitu membabitkan kerja-kerja menghasilkan sabun, mengeringkannya dan membalutnya dengan menggunakan plastik lutsinar. "Selepas itu, kami juga akan mencetak manual amalan membasuh tangan yang akan disertakan sekali bersama setiap buku sabun sebelum dipek untuk edaran," jelasnya.

Mereka yang terlibat dalam penghasilan sabun-sabun itu pula terdiri daripada sukarelawan UPM seperti para pelajar dan juga staf sokongan.

Berkongsi tentang sumbangan barang mainan untuk kegunaan projek itu, Musliyana berkata, ia diperoleh daripada warga UPM dan juga orang awam yang membuat penghantaran barang mainan kepada mereka.

"Kami akan membuat bebahan berkenaan projek ini menerusi media sosial dan mereka yang berminat untuk menyumbangkan barang mainan boleh terus menghubungi saya.

"Selain itu, kami di Putra Bakti ada juga menerima sumbangan barang mainan daripada penyumbang yang membeli secara pukal dan terus mengeposnya ke alamat kami.



Saya amat percaya kepada amalan melentur buluh biar dari rebungunya kerana didikan asas kebersihan ini perlu diberitahu kepada mereka sejak usia kanak-kanak lagi."

**MUSLIYANA**

**MAINAN-MAINAN kecil dimasukkan ke dalam pelbagai bentuk acuan sabun.**

